

PM: Kritik membina memang dialu-alukan 'Sikap sederhana perlu diteruskan'

BH 16 MAR 1985

PERDANA Menteri, Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad, mahu para siswa menimba ilmu sebagai bekal untuk menjadi golongan pemimpin sederhana yang berbakti kepada masyarakat.

Beliau juga mengharapkan para siswa mempunyai semangat kesedaran mengambil perhatian berat akan perkembangan sekeliling dan memenuhi aspirasi rakyat.

"Golongan inilah yang kita mahu supaya seluruh rakyat hidup sempurna dan lebih bahagia," tegasnya kepada kira-kira 1,500 siswa ketika merasmikan Khemah Kesedaran Kepimpinan Siswa '85 di kampus Minden Universiti Sains Malaysia (USM), di sini pagi ini.

Khemah tiga hari anjuran Majlis Perwakilan Pelajar USM dan Bahagian Hal-Ehwal Pelajar USM akan diadakan di Pulau Jerjak dekat sini esok.

Isteri Perdana Menteri, Datuk Seri Datin Paduka Siti Hasmah Ali turut hadir.

PULAU PINANG, Jumaat

Ketibaan mereka di kampus diiringi oleh Ketua Menteri, Dr Lim Chong Eu telah disambut oleh Naib Canselor USM, Datuk Musa Mohamad dan pengarah khemah Encik Amurad Md. Yassim.

Teguran

Datuk Seri Dr Mahathir menegaskan satu hari nanti siswa-siswi akan memimpin negara kerana pemimpin yang ada sekarang akan mengundur diri dan diganti oleh golongan lebih muda.

Beliau yakin ketenteraman dan kebahagiaan di negara ini akan terus kekal berzaman jika semua bersikap tanggungjawab dan mengamalkan ke-

pimpinan cermat, jujur dan waras.

"Ini ialah kerana Malaysia adalah sebuah negara berbilang kaum yang mempunyai masalah tersendiri dan memerlukan ketenteraman," tegasnya.

Beliau juga menegaskan kerajaan mengalu-alukan sebarang teguran asalkan bertanggungjawab.

Menurut Perdana Menteri masyarakat masakini bukan lagi primitif tetapi semakin membangun dan kompleks.

"Janganlah terlalu ghairah menggubal sistem kerana kelemahan kita atau inginkan tempat," tambah beliau.

Katanya masih ada golongan yang menganggap bahawa "padang di seberang sana lebih menghijai" tetapi apabila mereka sudah sampai ke situ akan merasa mahu pulang ke tempat asal.

"Sistem demokrasi negara sekarang adalah sebaik sistem dan wajar dipelihara dengan cara aman," kata beliau.